JPS maklumkan projek hanya sebulan, NGO dakwa projek sampai 31 Disember 2018

Sebulan atau setahun korek pasir

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD, MUHAMMAD AYMAN GHAFFA, AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI dan NUR EMIRA SAIZALI

AHMAD ANUAR

ISMADY

SHARIFFA SABRINA

IPOH – Sebulan atau setahun? Itulah persoalan mengenai aktiviti mengorek pasir yang sedang giat dijalankan di kawasan Sungai Puyu, Pantai Pasir Panjang, Seri Manjung dekat sini yang dikatakan bakal memusnahkan lokasi pendaratan penyu di Perak.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak dalam reaksi kepada laporan eksklusif *Kosmo!* semalam memaklumkan bahawa aktiviti mengorek pasir itu akan dihentikan hujung bulan ini.

Pengarah JPS Perak, Ir. Ahmad Anuar Othman berkata, projek tersebut dijalankan bagi membuka semula laluan air di muara sungai ke laut yang tertutup akibat cetek dan dipenuhi kelodak lumpur.

Jelasnya, pihaknya akan menghentikan projek penyelenggaraan itu apabila muara sungai itu terbuka dengan laluan air kembali mengalir selepas kawasan yang dikorek mencapai kedalaman yang ditetapkan.

Katanya, sebelum menjalankan projek itu, pihaknya telah mengadakan mesyuarat bersama 11 agensi antaranya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar.

"Projek tersebut dijangka tidak mengambil masa yang lama, malah ia merupakan kerja-kerja penyelengaraan di kawasan tersebut.

"Kita sedia maklum bahawa kawasan tersebut berhampiran Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Pasir Panjang, namun sekiranya projek ini tidak diselesaikan dengan segera, kemungkinan besar penyu tidak akan mendarat lagi di kawasan ini pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Bagaimanapun, Penolong Setiausaha Persatuan Aktivis Sahabat Alam, Noor Ismady Ahmad Radzuan mempertikaikan dakwaan JPS bahawa projek mengorek pasir itu untuk tujuan membesarkan sungai bagi mengelakkan banjir, malah beliau mendedahkan tempoh projek berkenaan bukanlah sebulan tetapi setahun sehingga 31 Disember 2018.

Beliau berkata, hasil maklumat yang diperolehnya sebanyak 529,000 metrik tan pasir akan dikorek di kawasan habitat penyu tersebut dan dihantar ke kawasan Pembangunan Nelayan Wilayah Teluk Muroh di Lumut menggunakan jalan laut bagi kerja-kerja penambakan pantai seluas 5.48 hektar.

"Jika aktiviti mengorek pasir di muara Sungai Puyu dijalankan hanya untuk mengelakkan banjir di Segari, mengapa tempoh kerja-kerja tersebut mengambil masa selama setahun? Saya sendiri ada salinan surat kelulusan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Manjung.

"Jika projek ini terus berjalan, penyu di Perak bukan sekadar menangis sebaliknya akan terus merajuk dan tidak lagi bertelur di sini," katanya ketika ditemui *Kosmo!*.

Tambah Noor Ismady, pihak berkuasa hanya memperoleh keuntungan sebanyak RM1 juta untuk aktiviti mengorek pasir di pantai Pasir Panjang berbanding risiko kehilangan terus lokasi pendaratan penyu yang menjadi tumpuan pelancong.

Akhbar *Kosmo!* semalam melaporkan, aktiviti mengorek pasir di kawasan muara Sungai Puyu itu dikhuatiri akan menjejaskan habitat penyu untuk bertelur di kawasan tersebut.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, pihaknya sangat dukacita dengan aktiviti pengambilan pasir di pantai Pasir Panjang bagi digunakan untuk menambak laut di Teluk Muroh yang disifatkan sebagai tidak adil.

Katanya, setiap pembangunan yang ingin dilakukan di sesebuah kawasan perlu mengambil kira kesan kepada kawasan lain terutama habitat dan ekosistem alam semula jadi.

"Saya amat sedih apabila tempat bertelur penyu mahu dimusnahkan demi kepentingan pembangunan di kawasan lain sedangkan logo Tahun Melawat Malaysia 2020 mempunyai gambar reptilia laut tersebut," katanya.

GAMBAR dari udara menunjukkan kawasan aktiviti mengorek pasir di muara Sungai Puyu yang merupakan satu-satunya kawasan pendaratan penyu di Pantai Pasir Panjang, Seri Manjung.



Ruj. Kami : Bil.(07) dlm.PT.MJG. 609/1/2018-1

Tarikh : Rabiulakhir 1438H / Januari 2018M

i) Permit : 4C

ii) Jenis Bahan batuan : Pasir Sungai

iii) Tempoh : 12 Bulan (sehingga 31 Disember 2018)

iv) Kuantiti : 529,000 metrik tan (330,134.60 m3)

v) Bayaran Royalti : RM 2.00 bagi setiap metrik tan

vi) Deposit : 50% daripada bayaran royalti

II. Bersetuju supaya digunapakai kadar deposit yang dikenakan dibawah Seksyen 74 Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965) berdasarkan kaedah berikut:-

50% x Kuantiti diluluskan x Kadar Royalti = Deposit Bahan Batuan yang lain

TEMPOH 12 bulan (dalam bulatan) yang tertera dalam satu surat berkaitan aktiviti mengorek pasir di Pantai Pasir Panjang

JPS memberitahu projek menyedut pasir di muara Sungai Puyu bertujuan mendalamkan kawasan sungai, tetapi aktivis alam sekitar mendakwa pasir diambil untuk tujuan menambak laut di Teluk Muroh, Perak.

KERATAN *Kosmo!* semalam.